



NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA 2010)

Pengumpulan, Rakaman, Penyimpanan dan Pengekalan Maklumat Peribadi

Terima kasih kerana melayari Portal Aduan Komuniti **ForTheRakyat** menerusi laman web Biro Aduan Komuniti, Pergerakan Pemuda Umno Malaysia. Kami menghormati privasi semua individu dan rakyat Malaysia. Mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("PDPA"), kami komited dalam melindungi semua data peribadi yang dikumpul semasa anda melayari atau memasuki halaman kami dan disimpan oleh kami. Kerahsiaan dan keselamatan data peribadi anda adalah amat penting kepada kami.

Notis Privasi ini memaklumkan bagaimana data peribadi anda dikumpul, digunakan dan didedahkan oleh kami selaras dengan PDPA dan peraturannya untuk perlindungan data. Data peribadi anda merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, sebarang data peribadi mengenai anda melibatkan nama, jantina, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, alamat pos, alamat e-mel, nombor-nombor telefon dan faks, bangsa, tarikh lahir, kerakyatan, status perkahwinan, pekerjaan, umur, pendapatan, gelaran nama, dan data peribadi lain dan berkaitan termasuklah apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat anda ("Data Peribadi").

Sila dimaklumkan bahawa anda tidak diwajibkan untuk memberikan data peribadi yang diminta di sini, namun jika anda tidak memberikannya, kami tidak akan dapat menjalankan tanggungjawab kami terhadap anda.

Di bawah PDPA, dengan mendedahkan data peribadi anda kepada kami, anda telah bersetuju supaya kami menggunakan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:-

- (i) Memproseskan aduan anda dan mengesahkan dasar-dasar untuk aduan anda;

- (ii) Memberikan maklum balas terhadap sebarang pertanyaan dan komen-komen anda;
- (iii) Memberikan bantuan dan menunjukan aduan anda kepada agensi-agensi kerajaan berkaitan dan/atau organisasi-organisasi bukan kerajaan;
- (iv) Mendapatkan perbalasan daripada agensi-agensi kerajaan berkaitan dan/atau organisasi-organisasi bukan kerajaan dan mengemaskini aduan anda;
- (v) Mengemukakan maklumat anda supaya agensi-agensi kerajaan berkaitan dan/atau organisasi-organisasi bukan kerajaan boleh mengenal pasti anda dan memaklumbalas aduan anda;
- (vi) Mengesahkan dan merekodkan butir-butir peribadi anda termasuklah membuat perbandingan dengan maklumat daripada sumber lain dan menggunakan maklumat untuk berkomunikasi dengan anda;
- (vii) Membuat semakan aduan dan analisis;
- (viii) Statistik dan kajian;
- (ix) Memaklumkan anda mengenai kempen-kempen dan bengkel-bengkel kami berkaitan dengan isu-isu biasa yang lazimnya dikemukakan oleh para pengguna, komuniti, rakyat, industry dan pendidikan;
- (x) Sebarang tujuan lain yang kami anggap sesuai atau perlu sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang digunakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pematuhan dengan syarat sebarang pihak berkuasa kerajaan atau penguasa peraturan, atau mahkamah perundangan yang mempunyai bidang kuasa kompeten.

Kami menganggap semua maklumat tentang anda yang kami simpan adalah sulit dan peribadi. Oleh yang demikian, kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda dengan sengaja kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan tanpa mendapatkan izin anda terlebih dahulu, melainkan dalam keadaan berikut:-

- (i) bagi tujuan-tujuan yang Data Peribadi anda diproseskan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas ; dan/atau
- (ii) bagi mematuhi syarat-syarat daripada mana-mana agensi kerajaan, penguasa peraturan dan pihak berkuasa kerajaan; dan/atau
- (iii) bagi pentadbiran keadilan; dan/atau
- (iv) bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang; dan/atau
- (v) bagi maksud mendapatkan nasihat undang-undang; dan/atau
- (vi) bagi apa-apa maksud lain yang difikirkan patut oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan/atau

- (vii) di mana pendedahan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga adalah perlu untuk melindungi kepentingan, hak, harta atau privasi kami dan/atau pegawai, pekerja, ejen atau sekutu kami; dan/atau
- (viii) di mana maklumat yang terkandung dalam Data Peribadi anda telah diumumkan kepada orang awam akibat langkah yang diambil oleh anda secara sengaja.

Semua Data Peribadi anda diproses dengan adil dan mengikut undang-undang. Kami bertanggungjawab bagi mengumpul Data Peribadi anda hanya untuk maksud khusus, mengikut undang-undang, eksplisit dan sah, dan bagi pemprosesan selanjutnya Data Peribadi yang konsisten dengan maksud tersebut. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi melindungi Data Peribadi anda daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubahsuaian, atau pemusnahan tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun, di sebalik langkah-langkah terbaik atau munasabah kami, keselamatan tidak boleh dijamin secara mutlak terhadap semua ancaman.

Dengan mengambil kira maksud untuk yang mana data telah dikumpul dan diproses selanjutnya, kami mengambil segala langkah munasabah untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dan menyediakan cara-cara munasabah bagi membetul, memadam, atau membetulkan mana-mana data yang tidak tepat, dan menyimpan data tersebut untuk selama mana dirasakan perlu untuk mencapai tujuan ia dikumpulkan dan mematuhi keperluan perundangan. Jika kami tidak lagi memerlukan Data Peribadi anda untuk apa-apa tujuan, kami akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memadamkan atau memusnahkan secara kekal Data Peribadi anda secara selamat.

Anda mempunyai hak di bawah PDPA untuk mengakses maklumat tentang anda yang kami simpan, atau untuk membetulkan maklumat yang tidak tepat. Untuk membuat permintaan, sila hubungi kami di Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 603-2171 6266/6366 atau hantarkan e-mel ke admin@fortherakyat.com jika anda ingin berbuat demikian atau mempunyai pertanyaan yang lain atau aduan berhubung Data Peribadi anda. Sekiranya kami tidak dapat memenuhi permintaan anda untuk mengakses bagi tujuan pembetulan Data Peribadi anda, kami akan memaklumkan kepada anda sebab penolakan tersebut.

Sekiranya anda mendedahkan data peribadi pihak ketiga di dalam apa jua urusan atau jenis komunikasi, pendedahan sedemikian sepatutnya telah mendapat persetujuan daripada pihak yang memiliki data tersebut dan anda bersetuju bahawa anda telah menggunakan budi bicara yang sewajarnya semasa mendedahkan kepada kami maklumat tersebut.

Sebarang dokumen yang mungkin disimpan oleh kami bagi pihak anda dalam format elektronik atau digital, sekiranya anda ingin kami memusnahkan atau menghapuskan dokumen-dokumen tersebut, kami ingin membawa kepada perhatian anda bahawa kami tidak boleh memusnahkan salinan dokumen-dokumen tersebut yang disimpan di dalam cakera keras kami atau di dalam sebarang sistem lain di mana data tersebut disimpan bagi tujuan pemulihan bencana sahaja.

Jika anda tidak mahu dihubungi oleh kami mengenai kempen dan bengkel kami, sila maklumkan kami melalui borang pertanyaan di admin@fortherakyat.com.

Kami akan sentiasa mengkaji semula Notis Privasi ini dan menyimpan hak kami untuk mempelbagaikan atau meminda Notis Privasi ini pada bila-bila masa dan atas budi bicara kami semata-mata dan sepenuhnya bagi memastikan Notis Privasi ini konsisten dengan perkembangan kami dalam perkhidmatan kami untuk kepentingan rakyat Malaysia, dan/atau sebarang perubahan dalam keperluan perundangan atau peraturan.

Apabila anda melayari halaman ini, maklumat teknikal tanpa nama mungkin dikumpulkan mengenai aktiviti anda pada halaman itu (contohnya, alamat IP anda, waktu dan tarikh anda memasuki laman itu, maklumat berkaitan dengan pelayar dan sistem pengendalian, laman-laman dilawati, dll).

Laman web ini mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. Kami tiada kawalan terhadap kandungan laman web pihak ketiga seperti itu atau cara pengoperasi laman web berkenaan mengendalikan Data Peribadi anda. Anda wajar menyemak semula polisi privasi yang digunakan untuk laman web pihak ketiga berkenaan bagi memahami cara pihak ketiga terbabit mungkin menggunakan Data Peribadi anda.

Untuk log masuk ke Laman Utama kami, sila klik butang "Bersetuju" di bawah untuk menunjukkan bahawa anda telah membaca dan memahami kandungan-kandungan sepenuhnya Dasar Privasi dan Akta Perlindungan Data Peribadi. Dengan berbuat demikian, anda mengakui segala butir-butir dan maklumat yang diberikan atau telah diberikan oleh anda dan dokumen-dokumen yang dilampirkan di sini (jika ada) adalah benar dan tepat dari setiap aspek. Dengan berbuat demikian, anda juga mengakui dan memberi kebenaran secara ekspres kepada kami untuk menyimpan dan memproses data peribadi anda seperti yang dinyatakan di dalam Notis tersebut di atas.



PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (PDPA 2010) NOTICE

Collection, Recording, Storage and Retention of Personal Information

Thank you for visiting the Community Complaint Portal **ForTheRakyat** of the Biro Aduan Komuniti, Pergerakan Pemuda Umno Malaysia's website. We respect the privacy of all individuals and members of the public. In compliance with the Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia ("PDPA"), we are committed to protecting all personal data collected through the use of our site and kept by us. The security and confidentiality of your personal data are of utmost importance to us.

This Privacy Notice addresses how your personal data is collected, used and disclosed by us pursuant to the PDPA and its regulations. Your personal data includes, but is not limited to, any personal information about you concerning your name, gender, identity card number or passport number, postal address, email address, telephone and facsimile numbers, race, date of birth, nationality, marital status, occupation, age, income, salutation, and other relevant data including any sensitive personal data and your expression of opinion ("Personal Data").

Please note that it is not obligatory for you to give the Personal Data being requested here, however if you do not, we will not be able to perform our obligations to you.

Under the PDPA, by disclosing your Personal Data to us, you have agreed to the use of your Personal Data for the following purposes:-

- (xi) Processing your complaint and verifying the basis for your complaint;
- (xii) Responding to your queries and comments;
- (xiii) Facilitating and forwarding your complaint to the relevant government agencies and/or NGOs;

- (xiv) Getting response from the relevant government agencies and/or NGOs and providing status updates on your complaint;
- (xv) Forwarding the information you provide so that the relevant government agencies and/or NGOs can identify you and address of your complaint;
- (xvi) Verifying and recording your personal particulars including comparing it with information from other sources and using the information to communicate with you;
- (xvii) Performing review of complaints and analysis;
- (xviii) Statistics and research;
- (xix) Informing you about our campaigns and workshops relating to common issues usually raised by consumers, community, members of the public, industry and education;
- (xx) Any other purpose that may be deemed expedient or necessary by us in accordance with applicable laws and regulations, including but not limited to the purpose of complying with the requirements of any government or regulatory authority, or court of law of competent jurisdiction.

We treat all information we hold about you as private and confidential. Therefore, we will not intentionally disclose your Personal Data to third parties without obtaining your prior consent except in the following circumstances :-

- (ix) For the purposes for which the Personal Data is processed as stated in paragraph 4 above; and/or
- (x) To comply with requirements from any government agencies, regulatory and relevant authorities; and/or
- (xi) For the administration of justice; and/or
- (xii) For the exercise of any functions conferred by or under any law; and/or
- (xiii) For obtaining legal advice; and/or
- (xiv) For any other purposes as the Minister of Communications and Multimedia Malaysia thinks fit; and/or
- (xv) To third parties where it is necessary to protect our interests, rights, property or privacy and/or our officers, employees, agents or affiliates; and/or
- (xvi) The information contained in your Personal Data has been made public as a result of steps deliberately taken by you.

All Personal Data are processed fairly and lawfully. We are responsible for collecting your Personal Data only for specific, lawful, explicit and legitimate purposes and for further processing of Personal Data consistent with those purposes. We shall take reasonable steps to protect your Personal Data from unauthorized loss, misuse, alteration or

destruction. Notwithstanding such best efforts by us, security cannot be absolutely guaranteed against all threats.

Having regard to the purpose the data was collected and further processed, we make every reasonable efforts to ensure that all Personal Data is accurate, complete, not misleading and kept up-to-date and provide reasonable means to correct, delete or rectify any inaccurate data, and store such data for so long as the information is necessary to achieve the purpose for which it was collected and to comply with legal requirements. If we no longer need your Personal Data for any purpose, we will take reasonable steps to securely delete or destroy your Personal Data.

The PDPA allows you the right of access to the information we hold about you or to have inaccurate information corrected. To make a request, please contact us in writing at our Service Hotline at 603-2171 6266/6366 or email admin@fortherakyat.com if you want to do this or have any other queries or complaints with respect to your Personal Data. In the event that we refuse to adhere to your request for access to correct your Personal Data, we will inform you of our reason(s) for the refusal.

If you disclose personal data of a third party in any occasion or mode of communication, such disclosure should be consented to by the data owner and you agree that you have exercised your best endeavours in providing us with such information.

Any documents that may be held on your behalf in electronic or digitized format, which if you wish us to destroy or expunge, we would like to bring to your attention that we are not able to destroy the copies of such documents which are held in our hard drives or in any other system where such data is stored only for the purposes of disaster recovery.

If you do not wish to be contacted by us about our campaigns and workshops, please drop us an instruction via email at admin@fortherakyat.com

We will keep this Privacy Notice under regular review and reserve our rights to vary or amend the same at any time and at our sole and absolute discretion to ensure that this Privacy Notice is consistent with our future developments in serving the best interest of the people of Malaysia, and/or any changes in legal or regulatory requirements.

When you access our site, anonymous technical information may be collected about your activities on the site (for instance your IP address, the date and time that you accessed the site, information relating to your browser and operating system, the sites visited etc).

This site may contain links to third party websites. We have no control over the content of such third party websites or the way that the operators of these websites deal with your Personal Data. You should review the privacy policies applicable to these third party websites to understand the ways in which these third parties may deal with your Personal Data.

In order to log in to our Main Page, please click the "Agree" button below to indicate that you have read and fully understood the contents of the Privacy and Personal Data Protection Act. By so doing, you declare that all particulars and information you provide or have provided and the documents attached (if any) are true and accurate in every respect. By so doing, you too hereby acknowledge and expressly give consent to the collection and processing of your personal data in accordance with the aforesaid Notice.